



KENYATAAN MEDIA BERSAMA OLEH SUHAKAM DAN MAJLIS PEGUAM MALAYSIA

SUHAKAM DAN MAJLIS PEGUAM MALAYSIA MENGANJUR LATIHAN INTENSIF UNDANG-UNDANG DAN LITIGASI HAK ASASI MANUSIA

KUALA LUMPUR (12 JULAI 2024) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia berkolaborasi dalam usaha sama untuk menganjurkan satu siri program Latihan Intensif Perundangan dan Litigasi Hak Asasi Manusia untuk peguam muda dan pegawai SUHAKAM. Sesi latihan ini akan diadakan di Sabah, Pulau Pinang, dan Sarawak bermula pada Ogos 2024 sehingga pertengahan Jun 2026.

Program latihan ini merangkumi pelbagai isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan landskap sosio-politik Malaysia. Topik yang akan dibincangkan termasuk Kewarganegaraan, Hak-Hak Orang Asal, Pencerobohan Tanah, Hak Kanak-Kanak dan Wanita, Kebebasan Bersuara, Kebebasan Maklumat, Hak untuk Hidup, dan Kebebasan Beragama.

Majlis perasmian program latihan tersebut telah diadakan di ibu pejabat SUHAKAM di Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Pengerusi SUHAKAM YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus dan Presiden Majlis Peguam Malaysia, Encik Mohamad Ezri Abdul Wahab. Majlis ini turut dihadiri oleh Pesuruhjaya SUHAKAM, YBhg. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, YBhg. Datuk Mariati Robert dan YBhg. Dr. Chew Chee Ming; Pengerusi Bersama dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Cik Cassandra Nicole Thomazios dan Encik Abang Iwawan; dan Encik Eero Oinonen, Pegawai Politik dari Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia.

Objektif utama inisiatif latihan ini adalah untuk memupuk nilai-nilai teras hak asasi manusia dalam kalangan peguam muda, serta menggalakkan komitmen kepada prinsip-prinsip hak asasi manusia sejagat di Malaysia. Para peserta akan mendalami pengetahuan mengenai rangka kerja undang-undang, doktrin duluan kehakiman, dan

strategi litigasi yang berkaitan dengan isu-isu hak asasi manusia. SUHAKAM dan Majlis Peguam Malaysia berharap program ini akan dapat meningkatkan penglibatan komuniti akar umbi, mengukuhkan organisasi masyarakat sivil (CSO), dan menggalakkan sokongan bantuan guaman secara pro bono.

Inisiatif latihan komprehensif ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 100 peguam muda dan pegawai SUHAKAM yang terpilih melibatkan kos kewangan dianggarkan sebanyak RM250,000. Latihan ini dibiayai sepenuhnya oleh Projek Geran Kesatuan Eropah yang bertajuk "Memajukan HakAsasi Manusia di Malaysia melalui Pendekatan Strategik dalam Pendidikan dan Peningkatan Kesedaran."

Antara perkara lain yang dibincangkan adalah mengenai isu untuk meningkatkan akses kepada keadilan bagi golongan rentan, reformasi penjara termasuk intervensi dalam menangani kesesakan di penjara, ratifikasi triti hak asasi manusia antarabangsa termasuk Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Perlakuan atau Hukuman Lain yang Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT) dan Konvensyen Pelarian 1951 serta memperkukuhkan lagi kerjasama antara SUHAKAM dan Majlis Peguam Malaysia.

SUHAKAM dan Majlis Peguam Malaysia amat teruja dengan impak positif program latihan ini dan berdedikasi untuk terus memupuk generasi baharu yang mendukung hak asasi manusia dan komited untuk memajukan keadilan sosial dan kesaksamaan di Malaysia.